

Ayuh bukukan cerita keluarga demi memahami peranan Melayu dalam sejarah

**E-MEL DARI
HAWAII
M. EFFENDY
A. HAMID**
Penulis khas



A LANGKAH baik jika lebih banyak orang Melayu bertindak seperti Cik Hidayah Amin, yang merakamkan cebisan sejarah keluarganya dalam bukunya, *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood*.

Tidak ramai arif tentang saudagar besar seperti moyangnya, Haji Yusoff bin Haji Mohamed Noor, yang mempunyai tukikan dalam bidang niaga, termasuk tali pinggang dan songkok.

Buku ini memberi maklumat baru yang penting tentang peranan usahawan peribumi (bukan Cina) pada zaman ekonomi penjajahan.

Haji Yusoff melabur dalam hartanah – membeli dan membangun rumah serata Singapura, termasuk Gedung Kuning yang dimilikinya pada awal abad ke-20. Beliau seorang dermawan besar (filantropis).

Namun kita tertanya-tanya mengapa anak dan cucunya tidak mengikut jejak langkahnya?

Hal ini juga berlaku pada hartawan besar Melayu lain, seperti Ambo Sooloh.

Jadi, di mana kesilapan sehingga kesinambungan Melayu dalam bidang perniagaan di rantau ini tiba-tiba terputus?

Tidak syak buku ini menyuakan perspektif penting dalam kewujudan sumber-sumber sejarah untuk lebih memahami peranan orang Melayu pada zaman ini.

Sejarah keluarga boleh menjadi sumber sangat penting dalam usaha memahami peranan dan kegiatan orang bukan Cina dalam ekonomi kolonial.

Oleh itu kegigihan Cik Hidayah wajar dicontohi masyarakat kita.

Baru-baru ini saya telah membaca pelbagai laporan zaman kolonial yang kadangkala bukan sahaja memberi kita sebuah gambaran baru, bahkan lebih penting lagi, membolehkan kita 'merasakan' ciri-ciri yang hanya terdapat pada zaman itu.

Inilah peri penting memahami sumber sejarah, kata seorang profesor di Hawaii yang menjawab perta-

nyaan saya mengenai kedudukan laporan ekonomi, perdagangan dan undang-undang yang ditulis pada zaman kolonial.

Bagi saya laporan begini memang agak membosankan.

Namun tak kenal, maka tak cinta.

Lama-kelamaan, saya mendapati laporan sedemikian amat berguna kalau kita faham untuk memanfaatkannya dalam konteks sejarah kolonial, sejarah tempatan dan juga konteks sejarah dunia.

Sebuah akhbar, *The Colonist* edisi nombor satu, terbitan Khamis, 22 November 1827 (boleh diperolehi di laman Internet 'Google books'), turut menarik perhatian saya.

Laporannya melukiskan senario zaman penjajahan – banyak kawasan Asia Tenggara cuba dikuasai Barat. Pada halaman enam akhbar itu tertera laporan pemberontakan Diponegoro (1785-1855) yang memaparkan Diponegoro sebagai tokoh yang menggunakan taktik 'skirmishing', iaitu mengirim pasukan kecil untuk berdepan dengan pasukan besar (penjajah) demi menguji daya tahan.

Pangeran (Putera) Diponegoro amat tegas dan adil sehingga sang-

gup menghukum bunuh anaknya sendiri kerana bersubahat dengan musuh.

Yang menyentak saya ialah keinginan Diponegoro berdamai dengan Residen Solo dan Yogyakarta kepada Residen Solo dan Yogyakarta yang bernama MacGillivray. Malangnya, surat itu disimpannya tanpa pengetahuan kerajaan British yang memerintah Jawa buat sementara atas permintaan kerajaan Belanda.

Gambaran laporan ini sangat berguna sekali untuk memahami musuh-hat penjajah Belanda bagi melemahkan pemberontak di seluruh Indonesia (Hindia Timur).

Diponegoro akhirnya alah dan di buang negeri ke Makassar sehingga akhir hayatnya. Namun beliau diingati sebagai Pahlawan Indonesia.

Membaca maklumat sedemikian juga membuat saya merenung jauh tentang perbezaan cara British dan Belanda dalam usaha penjajahan mereka di Tanah Jawa dan Tanah Melayu.

The Colonist (Khamis, 29 November 1827, halaman 11 dan 12) juga memberi kita sebuah sudut penting untuk memahami perbezaan antara dua penjajah ini.

Saya mendapati peri penting *free labour*, atau buruh murah, yang digunakan penjajah bagi pembangunan Asia Tenggara.

Buruh murah terdiri daripada pendatang Cina yang miskin yang dibawa ke kota seperti Batavia (nama lama Jakarta) dan Singapura untuk mencari kerja.

Nampaknya pekerja Cina dinilai sebagai berharga sekali kerana kemahiran mereka dalam pelbagai bidang penting dan juga mereka dapat menyesuaikan diri dengan cepat kepada iklim baru.

Catatan Thomas Stamford Raffles pada 1823 digunakan dalam laporan *The Colonist* yang menceritakan tentang 'Malayan Archipelago' (Gugusan Kepulauan Melayu). Ia menyatakan orang-orang di situ ada *spirit of commerce*, atau bersemangat untuk berdagang.

Orang Melayu, menurut Raffles, mengirinkan dagangan dari pelabuhan-pelabuhan dan orang Bugis pula meneroka tempat baru untuk peluang berdagang.

Jadi, pada awal abad ke-19 Masihi, perdagangan masih dikuasai orang Melayu, yang memainkan peranan yang penting dalam sistem

ekonomi rantau ini.

Jadi, kenapa keadaan berubah mendadak? Apakah amat susah menyatukan orang Melayu dalam ekonomi baru penjajah?

Jelaslah, dasar penjajahan Barat telah mengenyahkan peluang Melayu untuk terus menjadi saudagar besar. Laporan memburuk-burukkan orang Melayu sebagai malas dan apa jua sifat negatif telah 'membelenggu' kemajuan mereka.

Saya pasti banyak keluarga Melayu di Singapura masih ingat lagi, seperti Cik Hidayah, akan cerita atau masih menyimpan maklumat sejarah berbentuk tulisan yang boleh digunakan untuk penelitian mendalam – sejarah dan peranan leluhur mereka pada zaman penjajahan.

Jadi apa langkah seterusnya?

Sumber-sumber sedemikian mesti dicari dan dikumpul. Mungkin sebuah pasukan sejarawan boleh bekerjasama untuk menulis sejarah daripada perspektif Melayu Singapura berdasarkan sejarah keluarga.

Tulisan Cik Hidayah memberi inspirasi kepada kita bahawa tugas ini tidak hanya penting bahkan berbaloi dilakukan.

Berita Harian

20 January 2010

Page 10